

PENGUPUSAN PENALIHAN DAN SIKAP KEPIMPINAN
DI KELANGGANI PEMIMPIN PELAJAR
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DAERAH GOMBAK, BATU CAVES,
SELANGOR DARUL EHSAN

MASHUDI BIN BAHARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau dan menganalisis Pengurusan Pemilihan dan Sikap Kepimpinan di kalangan Pemimpin Pelajar di Sekolah-sekolah Menengah daerah Gombak, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan satu set soal-selidik yang direka khas bagi mendapatkan data yang berkaitan. Seramai 200 orang responden dipilih secara rawak bagi mewakili keseluruhan populasi pemimpin pelajar di sekolah menengah daerah Gombak.

Data yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Data dianalisa menggunakan kaedah Statistik Diskriptif, Crosstabulation, Ujian 't', Correlation dan ANOVA Sehala bagi menghuraikan dapatan data yang diuji.

Dapatan kajian mendapati bagi proses pemilihan pemimpin pelajar, 123 kes (61.5%) adalah melalui pemilihan secara langsung dan 77 kes (38.5%) melalui proses demokrasi. Terdapat perbezaan signifikan antara proses pemilihan dengan jantina pemimpin pelajar, perbezaan signifikan sikap kepimpinan pemimpin pelajar dengan tahap pencapaian akademik, perbezaan signifikan sikap kepimpinan pemimpin pelajar antara jantina dan perbezaan signifikan sikap kepimpinan pemimpin pelajar antara jawatan pemimpin pelajar.